

UNTUK SIARAN SEGERA

Panasonic menaja Buku Bergambar Projek HeartHeart untuk Kanak-kanak di Malaysia

Putrajaya, 26 Januari 2016 - Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Panasonic hari ini mengumumkan penajaan Buku Bergambar HeartHeart Project bagi kanak-kanak Malaysia. Panasonic komited untuk menyokong pembangunan generasi akan datang dengan kepercayaan bahawa ia adalah modal insan yang bakal melahirkan masyarakat yang lestari, justeru falsafah pengurusan syarikat untuk membangunkan modal insan sebelum pembuatan sesuatu produk.

Selaras dengan falsafah itu, Panasonic menggalakkan aktiviti warga korporat, aktiviti sumbangan sosial dan berusaha untuk menyelesaikan isu-isu sosial di seluruh dunia berdasarkan falsafah pendidikan dan kewujudan bersama. Ini adalah satu projek oleh NGO Jepun XYZ (Cross Wise) ke negara-negara di seluruh dunia untuk menyampaikan penghargaan oleh negara Jepun atas segala sokongan dan bantuan yang diterima berikutan Gempa Bumi Besar Timur Jepun pada tahun 2011.

Untuk menghantar mesej terima kasih atas sokongan dari seluruh dunia selepas gempa bumi besar pada tahun 2011, XYZ telah menghasilkan Buku Bergambar "Kau hanyalah seorang tetapi tidak akan keseorangan". Projek ini melibatkan usaha menderma versi buku yang telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa dan telah disokong oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negara Jepun pada tahun 2015.

Menurut Presiden NGO XYZ Keiko Yokoi, apabila anda mencantumkan perkataan 'HEART' 'HEART', satu lagi perkataan lain muncul. Perkataan ini ialah 'EARTH'. Kaitan antara setiap hati adalah apa yang menyokong bumi kita yang indah ini.

"Menyedari ini, ia mendorong saya untuk melakukan sesuatu yang baik untuk masyarakat dengan menggunakan 'kuasa kata-kata' untuk menyumbang kepada masyarakat. Dan juga, untuk menyampaikan kepentingan bagaimana untuk hidup dengan menghubungkan hati ke hati" tambah Yokoi.

Menurut Timbalan Pengarah Urusan Panasonic Management Malaysia, En Hiroyuki Imizu "Panasonic memutuskan untuk menyokong projek pendermaan Buku Bergambar ini kerana kami percaya buku ini dapat membantu kanak-kanak belajar tentang kepentingan sikap persefahaman. Ini adalah kerana kandungan buku ini menggalakkan nilai-nilai murni dan juga menggalakkan pelajar untuk mempamerkan sikap yang positif".

Kisah dalam buku ini menceritakan kepentingan menyokong satu sama lain melalui pengalaman seekor semut yang kecil yang bertemu dengan pelbagai haiwan lain. Bersama haiwan lain, sang semut telah belajar bahawa semua penduduk dunia adalah sama, tidak boleh ditukar ganti dan mereka tidak berseorangan.

Di samping itu, cerita ini disampaikan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Jepun. Ketika melihat ilustrasi haiwan dan perkataan, kanak-kanak membaca cerita dengan imaginasi mereka sendiri yang membawa kepada minat mereka terhadap perkataan-perkataan baru dan bahasa lain.

Panasonic berharap melalui kerjasama ini, Kementerian Pendidikan dapat menggunakan buku ini sebagai agen perubahan dalam mendidik pelajar untuk menjadi insan yang lebih baik dalam rutin harian mereka, menunjukkan contoh yang boleh diikuti dengan menghormati antara satu sama lain dan memiliki semangat kerja berpasukan.

Panasonic meneruskan usaha ini di Malaysia bagi memastikan pembangunan proses pembelajaran untuk generasi muda. Panasonic percaya buku ini akan dapat memberi inspirasi kepada pelajar untuk mengamalkan tabiat suka membaca dan menguasai bahasa-bahasa lain.

Dengan menaja buku ini, yang objektif utama adalah perkataan 'EARTH' daripada gabungan perkataan 'HEART' dan 'HEART', pelajar dididik untuk menjaga bumi kita hasil daripada contoh yang ditunjukkan dalam buku ini.

Secara keseluruhannya, Panasonic akan menyumbang sebanyak 16,000 naskah buku bergambar ini kepada 7,762 buah Sekolah Kebangsaan di Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan II Malaysia, YB Senator Chong Sin Woon mengulas "Saya percaya bahawa setiap orang boleh menyumbang untuk memenuhi aspirasi negara dengan memberi idea-idea membina, kreatif dan penuh daya imaginasi untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan kita. Masanya telah tiba untuk rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat untuk memulakan perjalanan wawasan negara bagi meningkatkan taraf pendidikan kita. Dan saya mengalu-alukan Syarikat-syarikat Korporat dan badan bukan kerajaan untuk bersama menyertai perjalanan negara ini".

###

Maklumat mengenai Kumpulan Panasonic di Malaysia

Terkenal dengan nama jenama Panasonic, Panasonic Corporation, yang berpangkalan di Osaka, Jepun adalah satu pemimpin bertaraf global dalam pembangunan dan pembuatan produk elektronik untuk pelbagai pengguna, perniagaan dan industri.

Kumpulan Panasonic di Malaysia terdiri dari 20 syarikat yang mana 10 daripadanya adalah syarikat perkilangan, 5 syarikat jualan dan kejuruteraan, 1 syarikat penyelidikan dan pembangunan, 2 syarikat kewangan dan insurans, 1 syarikat logistik dan perolehan dan 1 syarikat pegangan dan perkhidmatan pengurusan pelaburan; kesemuanya beroperasi di bawah misi perniagaan mereka yang tersendiri untuk meningkatkan kualiti hidup selaras dengan prinsip mereka iaitu sumbangan kepada masyarakat dari pelbagai aspek kehidupan dengan tumpuan utama pada produk, pendidikan, masyarakat dan alam sekitar.

Hubungan Media

Mazlee Mokhtar
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Bahagian Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877, 019 3837164 Faks: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com